

Ulasan Literatur

Pendekatan Pelancongan Wilayah Dari Perspektif Pemegang Taruh di Kelantan, dalam Konteks Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)

(*Regional Tourism Approach the Perspective of Stakeholders in Kelantan, in the Context of the East Coast Economic Region (ECER)*)

Wan Suzita Wan Ibrahim¹ & Nor-Ina Kanyo²

¹Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

²Institut Kajian Orang Asal, Borneo, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

*Pengarang Koresponden: wan48637@yahoo.com

Abstrak: Pelancongan wilayah merupakan satu strategi pembangunan negara yang melibatkan ruang, produk, perkhidmatan dan sumber pelancongan bagi meningkatkan mutu pelancongan di sebuah wilayah. Di Malaysia pelancongan wilayah telah dilaksanakan namun, sehingga kini tiada kajian secara terperinci tentang pendekatan simbiosis, konflik dan integratif dalam pembangunan wilayah. Para sarjana berpandangan, pelancongan wilayah berupaya menjana pembangunan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), namun, kejayaan masih belum tersetralah ekoran pembangunan yang dilakukan adalah berdasarkan kepentingan negeri masing-masing. Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti orientasi pembangunan pelancongan wilayah yang telah dilaksanakan oleh pemegang taruh dari tahun 2008 sehingga (2020) di salah satu negeri koridor pembangunan wilayah Pantai Timur iaitu di Kelantan. Data primer diperolehi melalui survei ke atas 28 responden dalam kalangan pemegang taruh di Kelantan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan pemegang taruh dalam aspek integratif lebih diutamakan berbanding pendekatan simbiosis dan konflik dalam proses perancangan, pembangunan dan pelaksanaan pembangunan pelancongan wilayah di Kelantan, Wilayah ECER. Kajian ini turut memberikan implikasi polisi dan amalan kepada pemegang taruh dalam usaha meningkatkan pembangunan wilayah dan mutu industri pelancongan negara.

Kata kunci: pembangunan, pelancongan wilayah, pihak pemegang taruh, Kelantan, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)

Abstract: Regional tourism is a national development strategy that involves space, products, services, and tourism resources to improve the quality of tourism in a region. In Malaysia, regional tourism has been implemented, however, until now there has been no detailed study of the symbiosis, conflict, and integrative approach in regional development. Scholars are of the view that regional tourism is capable of generating development in the East Coast Economic Region (ECER), however, success has yet to be seen as the development carried out is based on the interests of each state. Because of that. This article aims to identify the regional tourism development orientation that has been implemented by stakeholders from 2008 until (2020) in one of the East Coast regional development corridor states in Kelantan. Primary data was obtained through a survey of 28 respondents among stakeholders in Kelantan. The results of this study show that the stakeholder approach in the integrative aspect is preferred over the symbiosis and conflict approach in the process of planning, development, and implementation of regional tourism development in Kelantan, ECER Region. This study also provides policy and practice implications for stakeholders in an effort to improve regional development and the quality of the country's tourism industry.

Keywords: development, regional tourism, Kelantan of stakeholders, East Coast Regional Tourism

Pengenalan

Pelancongan wilayah adalah salah satu strategi pembangunan negara dalam meningkatkan mutu industri pelancongan. Di peringkat antarabangsa, negara yang berjaya menepati ciri ciri asas keperluan pelancong yang disediakan dan kejayaan pendekatan yang dilaksanakan oleh pihak pemegang taruh adalah satu bonus menjadi tarikan pelancong untuk berkunjung ke sesebuah destinasi pelancongan. Di Malaysia, pelancongan wilayah yang telah dilaksanakan sejak 2008 kini menjadi tumpuan utama pelancong antarabangsa kerana memiliki pelbagai produk yang menarik contohnya aliran kemasukan pelancong Pasifik dalam tahun 2008 seramai 1,556,573 ribu orang kepada 472,769 ribu orang dalam tahun 2010 seterusnya sedikit menurun kepada 252,702 ribu orang dalam tahun 2015 (Data Statistik Kementerian Pelancongan Malaysia, 2016). Peningkatan ini adalah kesan dari pelbagai faktor yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan seperti kempen Tahun Melawat Malaysia, galakan insentif pelaburan, pembangunan infrastruktur serta strategi Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia, 2020 adalah memberi penekanan kepada pelancongan di peringkat negara, negeri dan wilayah (PEMANDU, 2012). Ini adalah untuk memastikan destinasi pelancongan di negeri wilayah ECER mampu mencapai keseimbangan pembangunan sosial dan koridor ekonomi serantau.

Pemegang taruh secara umumnya didefinisi sebagai individu, manusia, kelompok, komuniti atau masyarakat yang dapat mempengaruhi atau dipengaruhi dan memiliki perhubungan pencapaian dalam sesebuah organisasi (Freedman, 1983; Freedman & McVea, 2001; Chariri & Ghazali 2007) Mereka adalah terdiri daripada pihak kerajaan, pihak berkuasa, badan swasta, badan NGO dan komuniti (Hall, 2005). Sementara itu, adalah penting untuk mengenalpasti siapa pemegang taruh, strategi, fungsi dan pendekatan yang dijalankan dalam melaksanakan pembangunan pelancongan wilayah (Hall, 2005; Ackermann & Eden 2011; Ellis & Sheridan 2014). Menurut beliau lagi, pendekatan pelancongan wilayah secara simbiosis, konflik dan integratif dapat memberi penawaran produk pelancongan yang baik kepada pelancong seperti penyediaan kemudahan perkhidmatan, aktiviti dan program, promosi dan pemasaran kerana pendekatan tersebut telah dijalankan di peringkat nasional dan perlu diaplilikasikan semula di peringkat wilayah.


Pendekatan simbiosis merupakan penyediaan pelan induk dan strategi dalam organisasi perancangan pembangunan pelancongan di peringkat national (Lusticky, Bina & Musil 2016) dimana kemasukan pelancong domestik dan antarabangsa ke destinasi pelancongan Taman Negara di wilayah Victoria, Australia adalah hasil pelaksanaan pendekatan simbiosis dan integriti pihak pemegang taruh dalam sistem pengurusan destinasi, penawaran produk, promosi, lokasi tarikan dan kesannya para pelancong berpuas hati terhadap kerjasama di antara pihak pemegang taruh (Randle & Hoye 2016). Sementara itu, pendekatan secara konflik adalah penglibatan pemegang taruh dalam pembangunan pelancongan menerusi pencapaian matlamat, dasar dan perancangan fizikal yang mempergaruhi komuniti dan sosial pelancongan (Feng, 2008, Ryan & Zhang 2013). Ini terbukti melalui kajian oleh Herbert dan Christian (2014) di wilayah Caribbean, Barbados di mana telah menjalankan pendekatan konflik dalam pembangunan pelancongan dengan menyediakan zon penjalan kaki bertingkat di kawasan tarikan taman Negara. Selain itu, pendekatan integratif merupakan kerjasama agensi dan komuniti dalam promosi, pemasaran dan pengurusan organisasi pembangunan pelancongan yang dilaksanakan melalui perancangan pelan komprehensif di peringkat induk dan wilayah (Timothy, 2000; Randle & Hoye 2016). Ini terbukti, penyelaras strategi pemasaran penjenamaan semula destinasi pelancongan wilayah diperingkat national dan wilayah dalam aspek biodiversiti flora dan fauna di wilayah Fryslan, Netherlands (Jeuring, 2016), pendekatan integratif menerusi pelaksanaan projek landkap di wilayah Alpine, Austria (Loibl & Walz 2010), pendekatan integratif dalam pelaksanaan strategi pembangunan wilayah dalam sistem pengurusan yang sistematik di wilayah Bohemia Selatan, Republic Czech (Lusticky, Novak & Svanda 2014). Ini menunjukkan kerjasama dan pendekatan yang dijalankan di antara pihak pemegang taruh merupakan faktor penting dalam menjayakan pembangunan pelancongan di di peringkat national dan wilayah.

Di Malaysia pendekatan pelancongan wilayah dalam aspek simbiosis, konflik dan integratif turut dilaksanakan terutama dalam merancang, membangun dan melaksanakan pembangunan pelancongan negara serta negeri. Justeru itu, penglibatan pihak pemegang taruh yang aktif dalam industri pelancongan amat penting kerana setiap negeri mempunyai misi, matlamat, strategi pembangunan pelancong yang sentiasa

dipantau dan diselaraskan untuk mencapai taraf wilayah yang maju termasuk di negeri Kelantan. Sehubungan dengan itu, menerusi pelan Induk Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER) strategi ini boleh dilaksanakan kerana memiliki sumber dan produk pelancongan yang berpotensi meningkatkan mutu pelancongan (Habibah et. al., 2013). Namun pendekatan yang dilaksanakan tidak menampakkan kejayaan sepenuhnya. Justeru itu, makalah ini bertujuan untuk menilai hasil kajian yang berorientasikan pendekatan secara simbiosis, konflik dan integratif agar dapat diaplikasikan sepenuhnya dalam pembangunan pelancongan di salah satu negeri wilayah ECER iaitu di negeri Kelantan.

Metodologi

Kajian ini telah dijalankan dalam kalangan pemegang taruh yang mewakili negeri Kelantan, di wilayah ECER. Seramai 84 responden dalam kalangan pemegang taruh telah dipilih yang terdiri daripada sektor kerajaan, pihak hotel dan agensi pelancongan (swasta) dan persatuan (badan NGO). Dalam kajian ini kaedah survei secara bersemuka telah dijalankan dalam kalangan pemegang taruh dengan menggunakan borang soal selidik yang merangkumi 3 aspek iaitu i) pendekatan simbiosis berdasarkan tindakan dan pelaksanaan pembangunan, ii). pendekatan konflik melibatkan halatuju pembangunan, pengalaman pelancong dan persekitaran iii). pendekatan integratif yang merangkumi aktiviti dan program, promosi & pemasaran, penglibatan masyarakat dan perkhidmatan serta infrastruktur. Hasil kajian ini telah dianalisis melalui statistik deskriptif, perbezaan skor min untuk meneliti tahap penglibatan pemegang taruh dalam pembangunan pelancongan di Kelantan. Kawasan kajian adalah di salah satu negeri Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) iaitu di Kelantan seperti diperincikan dalam Rajah 1 tersebut.



Rajah 1. Kawasan kajian
Sumber : Diubahsuai dari Rancangan Fizikal Negara 1 (2008)

Hasil Kajian

Hasil kajian mendapati dalam strategi pembangunan pelancongan negeri, pendekatan integratif lebih mendapat tumpuan oleh pihak pemegang taruh berbanding pendekatan simbiosis dan konflik semasa merancang, membangun dan melaksanakan pembangunan pelancongan di Kelantan, wilayah ECER.

1. Profil Pihak Pemegang Taruh

Hasil kajian yang diperolehi, dalam kalangan pemegang taruh adalah terdiri dari golongan professional dan berpegaruh dalam mengendalikan pembangunan pelancongan wilayah iaitu wakil pegawai dari badan kerajaan, agensi swasta, NGO dan pihak komuniti. Hasil kajian mendapati responden lelaki lebih ramai 71.5 peratus (20 orang). Dapatkan hasil kajian menunjukkan, pendidikan diperingkat ijazah adalah 64.3 peratus (18 orang) lebih ramai berbanding pendidikan diploma. Ini menunjukkan sebahagian besar responden pemegang taruh adalah berpendidikan tinggi dan majoriti bekerja sebagai kakitangan awan dengan 78.5 peratus (22

orang). Sementara itu, hasil kajian menjelaskan kebanyakan responden majoriti tempoh bekerja adalah selama 5 tahun iaitu 41.0 peratus dan berpendapatan tinggi antara 3,000-4,000 dengan 71.5 peratus (20 orang).

2. Strategi Pembangunan Pelancongan Di Kelantan, Wilayah Ecer Keseluruhan

Dalam kajian ini, pendekatan pelancongan wilayah yang dilaksanakan oleh pihak pemegang taruh adalah kesan daripada beberapa komponen strategi pelancongan negara untuk dilaksanakan mengikut kesesuaian diperingkat negeri dan wilayah. Hasil kajian ini menunjukkan, komponen strategi terhadap pembangunan produk pelancongan adalah menjadi keutamaan dalam kalangan pemegang taruh dengan 33.7 peratus (28 orang) berbanding promosi produk pelancongan 22.9 peratus (19 orang), dasar perundangan serta keselamatan 10.8 peratus (9 orang) seperti dalam Rajah 2. Hasil kajian menerusi strategi pembangunan ini turut mendapat pandangan dari kalangan pemegang taruh yang menyatakan:

“Menjalankan perancangan pembangunan secara bersepadu oleh pihak JPBD dan menggalakan kerjasama dari pelbagai pihak”

(mewakili ECER cawangan negeri Kelantan-Responden 5)

“Penganjuran acara-acara pelancongan yang melibatkan orang ramai dan memberi kursus kepada penggiat pelancongan”

(mewakili Pusat Penerangan Pelancongan cawangan negeri Kelantan-Responden 10)

“Menggalakan promosi bagi setiap produk pelancongan yang baru dan sedia ada”


(mewakili Jabatan Perancang Bandar cawangan negeri Kelantan-Responden 15)

“Menggalakan kemasukan pelancong dengan menyediakan pelbagai acara dan aktiviti pelancongan”

(mewakili Pusat Penerangan Pelancongan cawangan Negeri Kelantan-Responden 19)

“Mewujudkan pelbagai program seperti homestay memberi pendedahan tentang peranan masyarakat bagi menarik kemasukan pelancong khususnya ke negeri Terengganu”

(Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya cawangan Negeri Kelantan-Responden 27)



Rajah 2. Strategi pembangunan negeri Kelantan di wilayah ECER
Sumber: Kajian Lapangan (2018)

1. Pendekatan Utama Dalam Pembangunan Pelancongan Negeri Kelantan,Wilayah Ecer

Hasil kajian mendapati, dalam merancang, membangun dan melaksanakan pembangunan di negeri Kelantan, wilayah ECER. Terdapat tiga pendekatan yang telah dilaksanakan oleh pemegang taruh iaitu secara 341trong341is, konflik dan 341trong341is341e. Hasil kajian menunjukkan pendekatan 341trong341is341e lebih diberi keutamaan dengan 46.4 peratus (13 orang pemegang taruh) berbanding 39.3 peratus (11 orang

pemegang taruh) dalam konflik dan 14.3 peratus (4 orang pemegang taruh) bagi 342trong342is. Pendekatan ini dilihat sebagai pemungkin dalam usaha meningkatkan mutu pelancongan di antara negeri di wilayah ECER. Oleh itu, strategi menerusi pendekatan 342trong342is, konflik dan 342trong342is342e telah diaplikasikan di negeri Kelantan, untuk meningkatkan pembangunan pelancongan di wilayah ECER. Dalam kajian ini, aspek perancangan merangkumi elemen perancangan pembangunan. Manakala pembangunan melibatkan elemen halatuju pembangunan wilayah, pengalaman melancong, persekitaran dan persekitaran. Manakala dalam pelaksanaan terdiri dari elemen utama seperti perkhidmatan serta infrastruktur, penglibatan masyarakat, aktiviti & program dan promosi serta pasaran seperti yang telah dijelaskan dalam jadual 1.

Jadual 1. Pendekatan dalam pembangunan pelancongan keseluruhan negeri Kelantan, wilayah ECER

Elemen pembangunan	Simbiosis		Konflik		Integratif		Jumlah keseluruhan	
	Jum	%	Jum	%	Jum	%	Jum	%
Perancangan								
Perancangan pembangunan pelancongan	4	14.3	-	-	-	-	4	14.3
Pembangunan								
Hala tuju pembangunan wilayah	-	-	4	14.2	-	-	4	14.3
Pengalaman pelancong	-	-	2	7.1	-	-	2	7.1
Penglibatan masyarakat	-	-	3	7.1	-	-	3	10.7
Persekitaran	-	-	2	7.1	-	-	2	7.1
Pelaksanaan								
Perkhidmatan dan infarstruktur	-	-	-	-	3	10.7	3	10.7
Aktiviti dan program	-	-	-	-	6	21.4	6	21.4
Promosi dan pasaran	-	-	-	-	4	14.3	4	14.3
Jumlah Keseluruhan	4	14.3	11	39.3	13	46.4	28	100

Sumber: Kerja Lapangan (2018)

Pendekatan 342trong342is

Jadual 2. Perancangan pembangunan pelancongan di Kelantan, wilayah ECER

Sub Item Pembangunan Pelancongan	Kelantan		
	Min	SP	Tahap
Menyediakan perancangan, pembangunan pelancongan.	4.60	.67735	Tinggi
Menyokong bentuk program dan projek pembangunan pelancongan.	4.72	.54160	Tinggi
Memperkenalkan garis panduan pelancongan yang baru	4.28	.61373	Tinggi
Memperkenalkan sistem pengurusan pelancongan yang sistemetik	4.28	.61375	Tinggi
Menguna pakai dasar pelancongan negara di peringkat negeri	4.36	.70000	Tinggi
Kerjasama antara pihak yang berkepentingan	4.76	.43589	Tinggi
Bekerjasma dalam program, latihan aktiviti & peoduk pelancongan	4.40	.50000	Tinggi
Menggalakkan kemasukan pelancong	4.80	.40825	Tinggi
Mengukuhkan kestabilan politik	4.88	.33166	Tinggi
Min Keseluruhan	4.56	.35557	Tinggi

Sumber: Kerja Lapangan (2018)

Jadual 2 menunjukkan, pendekatan 342trong342is yang telah dilaksanakan oleh pemegang taruh dalam perancangan pembangunan dan pelaksanaan pelancongan bagi negeri Kelantan di wilayah ECER adalah tinggi dengan min keseluruhan adalah 4.56. Hasil kajian mendapati, pendekatan 342trong342is dalam aspek mengukuhkan kestabilan politik adalah diantara strategi yang diutamakan dengan keseluruhan purata nilai min 4.88. Sementara itu, menggalakkan kemasukan pelancong dan turut menjadi tumpuan dalam kalangan pemegang taruh dengan nilai min yang berbeza iaitu 4.80 berbanding menyokong bentuk serta program pelancongan dengan min 4.72. Ini dibuktikan, negeri Kelantan menerima sebanyak RM 16.5 bilion dengan 30

buah projek pembangunan pelancongan sejak 2008-2020 (Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008-2020) seperti projek pembangunan Kampung Laut, Taman Konservasi Rafflesia Logging dan Gunung 343trong.

Pendekatan konflik

Hasil kajian menunjukkan, pendekatan konflik dalam kalangan pemegang taruh dan pelancong ke negeri Kelantan, wilayah ECER merangkumi hala tuju pembangunan, penglibatan masyarakat, pengalaman pelancong dan mutu persekitaran. Pendekatan konflik yang berlaku dalam kalangan pemegang taruh, peringkat negeri dan wilayah dapat dilihat menerusi Pelan Tindakan Negeri, program dan strategi pelancongan. Konflik ini dibuktikan melalui pengalaman pelancong yang melancong ke negeri Kelantan, dimana mereka diperkenalkan dengan pelbagai kraftangan budaya Kelantan namun berbeza apabila mereka ke negeri Pahang yang lebih memperkenalkan program aktiviti antarabangsa dan hiburan contohnya Papan Luncur dan Piala monson di Terengganu. Keadaaan ini mengambarkan terdapat pengalaman pelancong yang berbeza apabila berkunjung di negeri, wilayah ECER.

Hal ini berlaku kerana perbezaan politik, budaya dan masalah kewangan yang sedikit sebanyak mempengaruhi pembangunan ke atas produk pelancongan di Kelantan. Walau bagaimana pun, pihak pemegang taruh terus menunjukkan komitmen, inisiatif dan sikap tanggungjawab dalam memajukan pembangunan pelancongan di negeri Kelantan antaranya mengeksplorasi sumber alam semulajadi dan warisan islam yang berpotensi sebagai produk pelancongan contohnya membangunkan Kampung Laut sebagai kampung pelancongan.

Jadual 3. Situasi berlaku berdasarkan pendekatan konflik dalam kalangan pemegang taruh di Kelantan, wilayah ECER

Situasi konflik	Negeri	Temubual responden
Pengalaman pelancong berbeza	Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> -Memperkenalkan kraftangan dan cenderamata melalui penglibatan masyarakat tempatan dan menggalakan pelancong merasai sendiri menyediakan kraftangan tempatan di pusat perkampungan kraftangan Kelantan (pelancong Negeri Kelantan-responden 9) -Menggalakan aktiviti sukan antarabangsa dan hiburan pantai untuk menarik kedatangan pelancong contohnya Piala Monson di Terengganu (pelancong negeri Terengganu-responden 27) -Menggalakan program aktiviti homestay untuk memberi pengalaman baru kepada pelancong (pelancong Negeri Pahang- responden 52)
Projek pembangunan pelancongan	dan Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> -Mengeksplorasi sumber alam semulajadi, khazanah budaya dan warisan islam sebagai produk pelancongan negeri contohnya membangunkan kampung laut sebagai kampung pelancongan di Kelantan (mewakili Unit Perancang Ekonomi cawangan Negeri Kelantan-responden 29)
Pelan Tindakan Pembangunan Pelancongan	Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> -Penyediaan dan pembinaan medan-medan selera yang tersusun, bersih dan berkualiti dengan sajian pelbagai jenis makanan traditional melayu Kelantan yang unik dan menarik contohnya restoren nasi ulam cikgu, Kota Bharu. (mewakili Persatuan Makanan Tradisional Melayu Kelantan, Kota Bharu, Kelantan- Responden 24).
Strategi program Pelancongan	Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> -Menggalakan konsep pelancongan berteraskan warisan dan tradisi budaya tempatan contohnya sokongan terhadap industri kraftangan untuk pelancong. (mewakili pihak komuniti, Pusat Kesenian Negeri Kelantan-Responden 28).



Rajah 3. Pengalaman aktiviti kebudayaan dan rekreasi pantai di Kelantan
Sumber: Kerja Lapangan (2018)

Manakala, jadual 4 mendapati pendekatan konflik di negeri Kelantan keseluruhan di wilayah ECER dengan nilai purata min 4.58 adalah tinggi. Ini membuktikan, pemegang taruh telah mengambil inisiatif dalam mengatasi isu konflik antara pihak pemegang taruh dan masyarakat bagi meningkatkan pembangunan pelancongan di Kelantan. Dari perspektif sub item, hasil kajian mendapati pembangunan produk dan destinasi pelancongan menjadi tumpuan utama dalam kalangan pemegang taruh dengan nilai min iaitu 4.72. Namun begitu, terdapat item lain yang turut menjadi tumpuan pihak pemegang taruh antaranya visi dan matlamat pelancongan, isu konflik dalam pembangunan pelancongan dan strategi pembangunan pelancongan.


Jadual 4. Hala tuju pembangunan pelancongan di Kelantan, wilayah ECER

Sub item Pelancongan di Kelantan	Kelantan		
	Min	SP	Tahap
Visi dan matlamat pelancongan.	4.48	.5599	Tinggi
Pelaksanakan pelan tindakan mengikut negeri bukan wilayah	4.56	.5066	Tinggi
Perancangan program dan projek pembangunan pelancongan diperingkat pusat namun pendekatan berbeza mengikut negeri bukan wilayah.	4.56	.5066	Tinggi
Isu konflik dalam aspek perundungan yang tertumpu kepada Entiti pelancongan negeri bukan wilayah.	4.56	.5066	Tinggi
Strategi pembangunan pelancongan.	4.60	.5000	Tinggi
Pembangunan produk dan destinasi pelancongan	4.72	.6782	Tinggi
Min Keseluruhan	4.58	.1604	Tinggi

Sumber: Kerja Lapangan (2018)

Pendekatan integratif

Hasil kajian dalam rajah 3 dan 4 menunjukkan pendekatan integratif di Kelantan, wilayah ECER adalah melibatkan komponen meningkatkan mutu kemudahan infrastruktur serta perkhidmatan, aktiviti serta program, promosi dan pasaran. Namun menerusi pendekatan integratif, elemen aktiviti serta program menjadi tumpuan utama pemegang taruh berbanding komponen yang lain kerana menerusi aktiviti dan program sentiasa menjadi tumpuan dalam kalender program aktiviti pelancongan setiap tahun.



Rajah 3. Perbandingan min pendekatan integratif mengikut komponen di Kelantan, wilayah ECER

Sumber: Kerja Lapangan (2018)



Rajah 4. Pelaksanaan pembangunan pelancongan di Kelantan, wilayah ECER

Hasil kajian dalam jadual 5 menunjukkan, penglibatan pihak pemegang taruh terhadap aktiviti dan program pelancongan dalam memberi penawaran amat memberi kesan kepada kesan kepada pelancong di negeri Kelantan. Didapati, keseluruhan item aktiviti dan program adalah tinggi dengan purata nilai min adalah 4.35. Komponen sub item keseluruhan mendapati, karnival jualan mega dan aktiviti rumah terbuka masyarakat, majlis Asyura dan sambutan keputeraan menjadi tumpuan pemegang taruh dalam mengalakkan kedatangan pelancong dengan keseluruhan purata nilai min 5.00 kemudian diikuti, aktiviti bulan citra dan karnival jualan mega. Tindakan integratif ini, adalah usaha dalam kalangan pemegang taruh negeri Kelantan yang menawarkan aktiviti permainan budaya negeri seperti permainan traditional gasing, wau bulan, silat, wayang kulit dan pesta makanan tradisional Kelantan. Ini menyerlah komitmen oleh pihak pemegang taruh terhadap pembangunan pelancongan dalam menarik kedatangan pelancong ke Kelantan, wilayah ECER.

Jadual 5. Aktiviti dan program pelancongan

Sub item Pelancongan Wilayah	Kelantan		
	Min	SP	Tahap
Rumah terbuka perayaan, majlis asyura,sambutan keputeraan.	5.00	.0000	Tinggi
Karnival jualan mega.	5.00	.0000	Tinggi
Bulan citra warna & kesenian negeri.	5.00	.0000	Tinggi
Sukan Antarabangsa	4.72	.4582	Tinggi
Sukan dalam negara	4.72	.4582	Tinggi
Aktiviti rekreasi	4.36	.4899	Tinggi
Pesta air dan pertandingan Go-kart	4.88	.3316	Tinggi
Aktiviti “Waterfront”	4.32	.7483	Tinggi
Religious trail dan Mat Kilau Trail	2.88	.7810	Sederhana
Bazar Ramadhan, pasar malam, pesta masakan traditional, pameran hasil pertanian dan buah-buahan	5.00	.0000	Tinggi
Min Keseluruhan	4.35	.09037	Tinggi

Sumber: Kerja Lapangan (2018)

Perbandingan pendekatan simbiosis, konflik dan integratif

Tindakan pemegang taruh yang sistematis dalam membangunkan pelancongan di negeri Kelantan, wilayah ECER telah menggunakan pelbagai tindakan dan strategi antaranya pendekatan simbiosis, konflik dan integratif. Didapati pendekatan simbiosis, konflik dan integratif adalah seimbang dan purata min yang tinggi iaitu nilai min 4.65.

Hasil kajian menunjukan pendekatan integratif lebih menjadi tumpuan berbanding simbiosis dan konflik dalam merancang, membangun dan melaksanakan pembangunan pelancongan di Kelantan, wilayah ECER. Didapati pendekatan integratif mendapat sub komponen aktiviti dan program lebih diberi perhatian dalam kalangan pemegang taruh dengan purata nilai min keseluruhan 4.69 berbanding komponen aktiviti serta program, promosi & pasaran dan penglibatan masyarakat. Ini kerana, pendekatan ini dapat meningkatkan penyediaan kemudahan sosial, kestabilan politik dan meningkatkan ekonomi penduduk tempatan. Namun begitu, pendekatan simbiosis turut diberi tumpuan dengan keseluruhan purata nilai min 4.56 berbanding pendekatan konflik dengan nilai min 4.63. Walau bagaimana pun, ketiga-tiga pendekatan tersebut merupakan strategi asas yang penting dalam pembangunan pelancongan negeri Kelantan. Ini kerana, pembangunan pelancongan yang sistemik dapat memberi kesan kepada pelancong, negara negeri dan wilayah. Justeru itu, Pendekatan ini perlu dijadikan panduan oleh pihak pemegang taruh dalam menggalakkan kemasukan pelancong ke Kelantan dan wilayah ECER seperti yang diperincikan dalam jadual 6.

Jadual 6. Perbandingan pendekatan simbiosis, konflik dan integratif di negeri Kelantan, wilayah ECER

Pendekatan Pelancongan Wilayah ECER	Min Keseluruhan	Tahap	Sisihan Piawai
Pendekatan simbiosis	4.56	Tinggi	.3555
Pelan pembangunan pelancongan	4.56	Tinggi	.3555
Pendekatan konflik	4.63	Tinggi	.9326
Hala tuju pembangunan wilayah	4.58	Tinggi	.1604
Pengalaman pelancong	4.76	Tinggi	.2357
Penglibatan masyarakat	4.77	Tinggi	.2921
Persekuturan	4.44	Tinggi	.5365
Pendekatan integratif	4.69	Tinggi	.2000
Perkhidmatan & infrastruktur	4.72	Tinggi	.2175
Aktiviti dan program	4.78	Tinggi	.0857
Promosi dan pasaran	4.66	Tinggi	.3402
Min keseluruhan	4.65	Tinggi	.1672

Sumber: Kerja Lapangan (2018)

Kesimpulan

Hasil penglibatan aktif pihak pemegang taruh yang menjalankan pendekatan simbiosis, konflik dan integratif terhadap pembangunan yang dilaksanakan mengikut kesesuaian negeri dan wilayah akan melahirkan kesan positif dalam usaha meningkatkan mutu pelancongan sesebuah wilayah di peringkat antarabangsa. Jika dibandingkan dengan kajian yang lepas, pendekatan pembangunan pelancongan mengikut negeri dalam konteks wilayah ini kurang diberi tumpuan kerana kebanyakan kajian adalah tertumpu kepada destinasi membeli belah, pesepsi pelancong, permintaan pelancongan dan imej destinasi. Justeru itu, wujud persaingan dimana kajian menunjukkan setiap negeri memiliki aset dan produk pelancongan yang hampir sama. Malah berlakunya, ketidakseimbangan dan ketidakserasan pihak berkepentingan antara negeri dalam menjalankan pembangunan pelancongan dalam konteks satu wilayah.

Ini menjelaskan kebanyakan konsep yang dipromosikan oleh pihak pemegang taruh adalah berdasarkan permintaan dan produk pelancongan mengikut negeri bukan dalam satu wilayah. Oleh itu, keadaan ini telah menimbulkan situasi konflik dan keraguan dari segi keberkesanan terhadap konsep pelancongan wilayah yang cuba diketengahkan oleh para pengkaji dan pihak pemegang taruh walaupun di tahap awal pedekatan pelancongan di negeri Kelantan, wilayah ECER adalah bersesuaian dengan kerelevanannya mengikut arus pembangunan negara dan berasaskan produk pelancongan negeri di wilayah yang terlibat.

Namun begitu, pendekatan integratif yang menjadi keutamaan dalam kalangan pihak pemegang taruh membawa perubahan ketara dalam senario pelancongan negeri Kelantan, wilayah ECER terutama dalam usaha mempromosikan destinasi pelancongan, aktiviti pelancongan dan peningkatan mutu perkhidmatan dan infrastruktur. Pelaksanaan pendekatan simbiosis, konflik dan integratif yang dijalankan melalui perancangan, pembangunan dan pelaksanaan telah memberi ruang kepada kerajaan untuk menerapkan idea-idea baru dan

mewujudkan kesefahaman antara pemegang taruh di negeri Kelantan. Oleh itu, pendekatan ini dilihat sebagai pemungkin kepada orientasi pembangunan pelancongan di negeri wilayah ECER. Kesimpulannya, walaupun pendekatan integratif yang dilaksanakan oleh pemegang taruh lebih mempengaruhi orientasi pelancongan wilayah, namun ketiga-tiga pendekatan ini memberi implikasi terhadap polisi dan amalan pemegang taruh dalam menjalankan pembangunan di negeri wilayah ECER.

Penghargaan: Penulis ingin mengucapkan terima kasih atas kerjasama kepada penyelia mantan, Prof. Madya. Dr. Habibah Ahmad, pihak Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Jabatan Sains Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan pihak Jawatankuasa Penerbit Jurnal e-bangi kerana sudi memberi peluang dan kerjasama yang tinggi kepada penulis.

Rujukan

- Ackermann. F & Eden. C. (2010). Strategic management of stakeholders: Theory and practice. *Long Range Planning*, 44, 179-196.
- Ahmad, H., Jusoh, H., Idris, M., Buang, A., Zaman, N. a. K., Samsir, S. W., & Anuar, A. N. A. (2017). Pemerkasaan asset semula jadi untuk kelestarian pelancongan di Negeri Pahang (Empowering the natural touristic assets for sustainable tourism in the State of Pahang). *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 9(3).
- E.J. Randle. (2016). Stakeholder's perception of regulating commercial tourism in Victorian National Parks, Australia. *Tourism Management* 54, 138-149.
- Ellis. S. & Sheridan. L. (2014). A critical reflection on the role of stakeholders in sustainable tourism development in least-developed countries. *Tourism Planning & Development*, 11(4), 467-471.
- Feng, X.-H. (2008). Who benefits? Tourism development in Feng Huang County, China. *Human Organization*, 67(2), 207-220.
- Freedman, R. E. & McVea, J. (2010). A stakeholder approach to strategic management. In: M. Hitt, J. Harrisson, R.E Freeman (Eds). *Handbook of strategic management* (pp. 1-33). Blackwall Publishing, Oxford, 189-207.
- Freedman, R.E & Reed. (1983). Stockholders and stakeholders: A new perspective on corporate governance. *The Journal of Behavioral Economics*, 19, 337-359.
- Hall, C. M. & Page, S. J. (2009). *The geography of tourism and recreation: Environment, Place, and Space*. Routledge.
- Herbert, B. & Christian, C. S. (2014). Regional tourism at the Cross-Roads: Perspective of Caribbean Tourism Organization's stakeholders. *Journal of Sustainable Development*, 7(1), 1913-9063.
- Jeuring, J. H. G. (2016). Discursive contradiction in regional tourism marketing strategies: The case of Fryslan, The Netherlands. *Journal of Destination Marketing & Management*, 5, 65-75.
- Loibl,W. & Walz, A (2015). Generic regional development strategies from local stakeholders scenarios-an Alpine Village Experience, *Ecology & Society*, 15(3), 39-50.
- Lusticky, M., Novak. M. & Svanda. P. (2014). The stakeholder's approach to implementation of tourism development strategy. *Journal of Competitiveness*, 6, 77776.
- Lusticky. M., Bina, V. & Musil, M. (2016). Stakeholders approach the evaluation of tourism development plans. *Journal of Strategic Management Quarterly*, 3(3), 33-59.
- Rancangan Fizikal Negara 2. (2018) *Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Semenanjung Malaysia*. <https://www.planmalaysia.gov.my/index.php/pages/view/265>
- Tosun, C & Timothy, J. D. (1998). Shortcomings in planning approaches to tourism development in developing countries: The case of Turkey. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*, 13(7), 352-359.
- Yang. J, Ryan. C & Zhang. L. (2013). Social conflict in communities impacted by tourism. *Tourism Management*, 35, 82-93.